



Norizuan Shamsuddin
norizuan@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Riak wajah teruja sekumpulan kanak-kanak yang menunggu giliran bertukar menjadi gementar apabila mendengar jeritan dan tangisan peserta yang melalui proses berkhatan.

Bagaimanapun keadaan terkawal apabila ditenangkan keluarga dan kakitangan hospital bertugas.

Itu antara gelagat 90 kanak-kanak yang menyertai program Sunathon 2018 anjuran Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM), Kampus Kuala Lumpur, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di sini, semalam.

Pro Naib Canselor Kampus Kuala Lumpur UKM Prof Datuk Dr Zulkifli Md Zainuddin berkata, program berkhatan beramai-ramai itu adalah acara tahunan yang dilaksanakan sempena cuti sekolah akhir tahun sejak 15 tahun lalu.

Katanya, program tanggungjawab sosial korporat

terbabit bertujuan membantu meringankan beban warga kerja UKM dan masyarakat setempat untuk menguruskan kerja berkhatan bagi anak mereka.

"Kali ini, 90 kanak-kanak berusia enam hingga 13 tahun terdiri daripada ahli keluarga kakitangan UKM dan lapan peserta Rumah Kanak-kanak Tunku Budriah, Cheras.

"Menerusi program ini, peserta dapat berkhatan percuma tanpa perlu membayar yuran bagi membantu meringankan beban keluarga mereka.

"HCTM turut menjayakan program berkhatan seumpama ini di Bukit

Aman dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM) setiap dua tahun sekali yang akan diadakan 8 Disember nanti.

"Kami akan terus memberikan sokongan terhadap pelbagai aktiviti membabitkan warga kerja dan masyarakat sekeliling bagi menjadikan HCTM sebagai hospital mesra rakyat serta kondusif untuk warga kerjanya," katanya selepas merasmikan Majlis Perasmian Sunathon 2018, di Lobi Utama HCTM di sini, semalam.



RIAK wajah kanak-kanak menunggu giliran untuk dikhatankan.

TERUJA JADI TANGISAN

■ Pelbagai riak 90 kanak-kanak tunggu giliran dalam program Sunathon 2018 anjuran HCTM